

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : KOTA BAHRU, KELANTAN
Tarikh : 11 SEPTEMBER 2004
Tajuk : UCAPTAMA DI PERASMIAN DIALOG BERSAMA RAKYAT

Saudara Pengerusi Majlis

YBhg. Tuan Haji Mohd Amin Taib
Pengerusi Persatuan Amal Jariah Malaysia

YBhg. Professor Dato' Dr. Hassan Mohd
Pengarah UiTM Kelantan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bersyukur sayar ke hadrat Ilahi kerana di atas limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama di Majlis Dailog Bersama Rakyat anjuran Persatuan Amal Jariah Malaysia di Balai Islam, Lundang, Kota Bharu pada pagi yang mulia ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas jemputan untuk saya menyampaikan ucaptama dan merasmikan Majlis pada pagi ini. Majlis sebegini amat berfaedah kepada kita semua kerana di samping berpeluang untuk memperkukuhkan silaturrahim sesama kita, ianya juga dapat memberi ruang untuk kita sama-sama berinteraksi dan membincangkan isu-isu semasa atau perkara-perkara lain yang berkepentingan kepada kita dan negara. Saya berharap semua yang hadir akan dapat manfaat daripada dialog ini.

Tuan-tuan/Puan-puan,

3. Tajuk ucaptama saya pada pagi ini adalah "Peranan Malaysia dalam NAM dan OIC". Adalah tidak lengkap sekiranya saya tidak menjelaskan apa itu NAM dan apa itu OIC. NAM, atau singkatan bahasa Inggerisnya "the Non-Aligned Movement", yang juga dikenali sebagai Pergerakan Negara-Negara Berkecuali, telah diasaskan pada tahun 1961 bersempena Sidang Kemuncak NAM yang pertama di Belgrade, Yugoslavia. Asas penubuhan tersebut adalah sebagai tindak balas kepada perlumbaan senjata oleh dua kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union yang mendominasi dunia pada ketika itu. Malaysia kini adalah Pengerusi Sidang Kemuncak NAM ke-13 sehingga tahun 2006 dengan 114 buah negara anggota iaitu 2/3 daripada jumlah keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (PBB).

4. Sementara OIC pula ialah singkatan kepada "Organisation of Islamic Conference" atau Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam. Ianya ialah sebuah organisasi antara kerajaan yang kini dianggotai oleh 57 buah negara Islam daripada tiga rantau terbesar iaitu Asia, Timur Tengah dan Afrika dimana jumlah penduduknya merupakan satu perlima daripada penduduk dunia. OIC bertindak sebagai satu-

satunya forum khusus untuk negara-negara Islam bagi mewujudkan perpaduan sesama Ummah khususnya mengenai konflik Israel-Palestin. Malaysia kini adalah Pengerusi kepada Sidang Kemuncak OIC Ke-10 sehingga bulan Oktober 2006.

5. Cabaran-cabaran masa kini yang di hadapi oleh kedua-dua pergerakan NAM dan OIC merangkumi isu-isu dan permasalahan politik dunia, masalah ekonomi antarabangsa, pembangunan, cabaran globalisasi, kemajuan ICT, kemanusiaan, ancaman keganasan antarabangsa dan banyak lagi. Keadaan globalisasi dunia masa kini dilihat lebih berkecenderungan untuk memihak kepada negara-negara maju yang, secara langsung atau tidak langsung, telah melakukan penindasan dari pelbagai segi kepada negara-negara membangun di dunia, termasuk negara – negara Islam. Kita juga telah melihat sendiri bagaimana umat Islam di dunia sekarang dilabelkan sebagai "pengganas", hasil daripada implikasi situasi tersebut.

Peranan Malaysia dalam NAM

6. Malaysia sebagai pengerusi NAM berperanan untuk memberikan kepimpinan yang jitu bagi mewakili negara-negara anggotanya yang majoritinya adalah negara – negara membangun untuk terus bersuara; dan mengambil langkah-langkah yang praktikal serta berkesan kearah mengekalkan keamanan dunia, dengan mempromosikan keamanan melalui platform-platform politikal, melalui pendekatan diplomasi pelbagaihala (multilateralism), terutamanya; melalui badan-badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Keselamatan PBB.

7. Disamping itu juga, Malaysia berperanan memberikan tumpuan dan penekanan kepada isu-isu lain seperti ekonomi dan perdagangan, Kerjasama Selatan-Selatan, pembangunan dan pembasmian kemiskinan serta pembangunan sosial dan kemanusiaan yang bersifat sejagat serta isu-isu yang berkepentingan kepada NAM.

8. Ini dilakukan melalui tindakan susulan ke atas perkara-perkara yang telah digariskan di dalam Deklarasi Kuala Lumpur hasil daripada Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang lalu. Ia melibatkan perkara-perkara yang bersifat struktur, organisasi dan metodologi serta isu-isu kritikal yang harus ditunjangi oleh NAM. Tindakan-tindakan susulan telah dijalankan dengan kerjasama dan penyelarasan di Biro Koordinasi NAM atau NAM Coordination Bureau (NAM-CoB) di New York dan NAM Chapters di Vienna dan Geneva.

9. Keberkesanan peranan Malaysia sebagai Pengerusi NAM terserlah melalui inisiatif-inisiatif serta usaha Penyuburan Semula NAM, yang telah digariskan secara terperinci di dalam Deklarasi Kuala Lumpur serta Dokumen Muktamad mengenai isu global, analisis situasi antarabangsa, ekonomi dan sosial, yang telah dikeluarkan pada Sidang Kemuncak NAM ke-13, dimana ianya dianggap sebagai penganjuran persidangan yang terbaik oleh negara-negara anggota NAM sendiri. Kejayaan tersebut secara tidak langsung telah menidakkan tanggapan negatif umum terhadap NAM dan secara tidak langsung menonjolkan keberkesanan kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi NAM menerusi pendekatannya yang relevan kepada situasi semasa, yang antara lain;

- i. Keupayaan Malaysia di dalam memberikan kepimpinan kepada NAM ketika ramai yang mempersoalkan keberkesanan NAM setelah berakhirnya Perang Dingin;
- ii. Kebolehan Malaysia untuk merangsang perpaduan serta penyatuan sesama negara-negara anggota dalam keadaan dimana mereka menghadapi tekanan daripada negara-negara maju yang lebih berkuasa dan berpengaruh;
- iii. Keberkesanan Malaysia di dalam mempromosi serta menguatkan lagi mekanisma diplomasi pelbagai hala bagi menghadapi kecenderungan ke arah penyelesaian secara unilateral oleh kuasa-kuasa besar, seperti Amerika Syarikat; dan
- iv. Keupayaan untuk menyuarakan dan mempromosikan kepentingan negara-negara sedang membangun dalam aspek-aspek hubungan antarabangsa khususnya dalam bidang politik, ekonomi, perdagangan dan sosial.

10. Disamping itu juga, Malaysia telah memainkan peranannya dengan baik dengan mengambil inisiatif tambahan kearah memikul tanggungjawab sebagai Pengerusi NAM melalui ;

- i. Pelancaran "Portal e-Sekretariat NAM" pada Mac 2004 yang bertindak sebagai pengkalan data kepada kesemua isu berhubung NAM bagi mempertingkatkan komunikasi serta koordinasi, mempercepatkan proses membuat keputusan dan merapatkan jurang perbezaan digital serta perpaduan di antara negara anggota NAM. Inisiatif ini diambil kerana kita sedar bahawa ICT memainkan peranan penting di dalam pembangunan ekonomi terutama sekali di dalam konteks globalisasi, dimana kebanyakan negara anggota NAM agak terkebelakang di dalam bidang tersebut.
- ii. Penganjuran Mesyuarat Khas Peringkat Menteri NAM Mengenai Palestin di Putrajaya pada 13 Mei 2004, sebagai reaksi segera kepada pergolakan yang meruncing di wilayah Palestin, disusuli dengan Mesyuarat Peringkat Menteri NAM mengenai Palestin di Durban, Afrika Selatan pada 18 Ogos 2004 baru-baru ini. Pada mesyuarat tersebut, persetujuan telah dicapai keatas deraf Pernyataan mengenai Palestin yang kemudiannya digabungkan ke dalam Dokumen Muktamad.
- iii. Cadangan untuk penganjuran Mesyuarat Peringkat Menteri NAM mengenai Kemajuan Wanita pada bulan Mei tahun hadapan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi meyumbang kearah pembangunan wanita negara-negara anggota NAM.

11. Mengenai isu Palestin-Israel pula, kita berpendapat penekanan kepada kuasa besar melalui platform politik sahaja adalah tidak memadai, tetapi sebaliknya tanggungjawab besar tersebut hendaklah diagihkan kepada media, badan-badan bukan kerajaan, badan-badan keamanan serta masyarakat awam di seluruh dunia bagi memberikan tekanan yang lebih padu kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung di dalam keganasan antarabangsa khususnya pihak-pihak yang terbabit dalam konflik Palestin-Israel, ketegangan di Iraq serta isu-isu lain di seluruh dunia dan kita berharap agar pihak-pihak tersebut dapat membangkitkan gelombang pergerakan global ke arah memperjuangkan keamanan dan keselamatan di seluruh dunia.

12. Di dalam konteks ini, Malaysia akan mengambil inisiatif bagi meneruskan cadangan mengadakan Mesyuarat Khas Organisasi-Organisasi Serantau dan Badan-Badan Antarabangsa serta Mesyuarat Khas Antarabangsa Badan-Badan Masyarakat Awam di seluruh dunia untuk memperlihatkan sokongan padu terhadap perjuangan rakyat Palestin dan pemimpinnya.

Peranan Malaysia dalam OIC

13. Malaysia sebagai salah satu negara pengasas OIC, sentiasa terlibat dengan aktif di dalam segala aktiviti OIC. Negara kita sentiasa prihatin dengan isu-isu yang mempunyai kepentingan kepada negara Islam dan Ummah di seluruh dunia. Ini adalah sejajar dengan dasar kerajaan kita yang memberikan keutamaan kepada penglibatan Malaysia di dalam hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan Ummah.

14. Penglibatan kita di dalam OIC sememangnya di sambut baik oleh semua negara anggota. Malaysia pada masa ini di anggap sebagai sebuah negara Islam membangun yang paling maju dan banyak negara-negara Islam lain yang ingin menjadikan Malaysia sebagai model di dalam melaksanakan program pembangunan masing-masing. Ini adalah suatu pencapaian yang amat membanggakan Malaysia.

15. Sebagai negara anggota yang aktif, Malaysia telah memainkan banyak peranan di dalam OIC. Negara kita diberi kepercayaan untuk turut terlibat dalam beberapa Jawatankuasa/Kumpulan penting di dalam OIC seperti Kumpulan Bosnia dan Herzegovina, Kosovo, Palestin, Somalia dan Sierra Leone, di mana Malaysia adalah Pengerusinya. Kita juga dilantik sebagai Pengerusi dalam Kumpulan 13 negara OIC mengenai keganasan.

16. Malaysia juga telah menjadi tuan rumah kepada banyak Persidangan dan Mesyuarat yang penting, antaranya ialah Sesi Luar Biasa Menteri-Menteri Luar Negara Islam Mengenai Keganasan [1-3 April 2002], Mesyuarat Kumpulan Sierra Leone [13-14 Jun 2002], Mesyuarat susulan peringkat pegawai kanan mengenai Pelancongan [5-7 September 2003], Sidang Ke-27 Menteri-Menteri Luar OIC [27 Jun 2000], Sidang Kemuncak Ke-10 OIC [16-18 Oktober 2003], dan berbagai mesyuarat lain di peringkat Menteri dan juga pegawai-pegawai kanan dan jawatankuasa di bawah naungan OIC.

17. Inisiatif yang diambil oleh Malaysia semasa mengambil alih Pengerusi Sidang Kemuncak OIC pada Oktober 2003 untuk menghasilkan Pelan Tindakan Deklarasi Putrajaya yang dipersetujui oleh Sidang Kemuncak OIC Ke-10 adalah amat signifikan dalam menentukan arah tuju baru OIC. Deklarasi berkenaan telah menetapkan bidang-bidang dan tindakan yang perlu diambil oleh OIC bagi memastikan OIC itu tetap relevan dan membawa manfaat yang di harapkan kepada negara anggota. Persetujuan juga dicapai untuk melaksanakan usaha penyuburan semula (revitalization) OIC dan kesepakatan dicapai bagi melaksanakan pengstrukturkan semula Sekretariat Agung OIC di Jeddah untuk beroperasi dengan lebih efektif.

18. Malaysia juga telah diberi kepercayaan untuk menubuhkan dan menerajui "The Eminent Persons Group" yang bertujuan antara lain; menyediakan pelan tindakan bagi membolehkan umat Islam menghadapi cabaran abad ke-21 dan juga menyediakan pelan komprehensif bagi mempromosi secara menyeluruh polisi dan program perpaduan Ummah terutamanya berkaitan dengan usaha mempromosikan kesederhanaan di dalam Islam.

19. Bagi melaksanakan tindakan susulan Deklarasi Putrajaya, empat Jawatankuasa Kerja ditubuhkan iaitu masing-masing mengenai Perdagangan dan Pelaburan, Sains dan Teknologi, Pendidikan dan Penerangan. Melalui Jawatankuasa Kerja ini, aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dapat dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan negara-negara Islam dan Ummah.

20. Selain daripada itu, Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Khas Peringkat Menteri Luar OIC Mengenai Timur Tengah pada bulan April 2004 untuk membincangkan masalah di Palestin dan Iraq. Usaha Malaysia mengadakan Mesyuarat tersebut membuktikan kesungguhan Malaysia untuk mencari penyelesaian kepada konflik yang melanda Timur Tengah. Malaysia juga diberi tanggungjawab mengetuai Delegasi OIC Peringkat Menteri selaras dengan mandat Mesyuarat Khas untuk bertemu ahli-ahli Kuartet (EU, Rusia, Amerika Syarikat dan Setiausaha Agung PBB) bagi menggesa Kuartet mengambil langkah segera menyelesaikan konflik Israel-Palestin.

21. Hasilnya amat memberangsangkan di mana pihak Kuartet menerima baik cadangan OIC dan memberi jaminan untuk bekerjasama mencari penyelesaian kepada konflik Israel-Palestin. Amerika Syarikat, khususnya, telah memberi jaminan akan mengambil langkah yang berkesan bagi memastikan Pelan Damai di laksanakan supaya usaha mencari jalan penyelesaian kepada konflik itu dicapai.

Kesimpulan

22. Malaysia selaku Pengerusi NAM adalah komited kearah memberikan kepimpinan yang proaktif dan efektif kepada NAM tanpa terikat dengan sebarang matlamat, aspirasi dan kepentingan diri sendiri tetapi berasaskan pragmatisme dan memastikan kepercayaan berterusan dari kesemua negara-negara anggota kepada kepimpinan Malaysia.

22. Malaysia akan terus mengambil inisiatif dan melaksanakan tindakan yang bersesuaian untuk mewujudkan perpaduan dan kesepakatan di kalangan negara OIC untuk menangani isu-isu yang berkepentingan kepada Ummah supaya kesejahteraan dan kemakmuran negara Islam tidak terjejas. Ringkasnya, agenda Malaysia adalah menjurus kepada memperkasakan OIC itu sendiri bagi menghadapi cabaran global masa kini dengan memberi kepimpinan yang baik dan berkesan bagi merealisasikan objektif yang ditetapkan.

23. Dalam keadaan dunia yang sentiasa bergolak masa kini, Malaysia tidak boleh berdiam diri dan mengambil sikap tidak apa dengan membiarkan agenda kita dan negara-negara kedua-dua pergerakan tersebut ditentukan oleh negara-negara maju. Malaysia selaku Pengerusi kepada kedua-dua organisasi ini akan terus memainkan peranan aktif dan bekerjasama dengan negara anggota bagi menangani segala cabaran-cabaran masa kini bagi memastikan keamanan serta keselamatan serantau dan antarabangsa dapat dipelihara demi generasi yang akan datang.

Terima kasih.